



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

SIARAN MEDIA

JPPKK KOMITED DALAM MELAKSANAKAN INISIATIF KERAJAAN MELALUI PROGRAM KAMPUNG ANGKAT MADANI DI KAMPUNG BATU 8, BENDANG SIAM, TAIPING, PERAK

TAIPING, 12 JULAI 2025 - Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) komited dalam melaksanakan Projek Kampung Angkat MADANI (KAM) yang merupakan salah satu inisiatif Kerajaan dan mula diperkenalkan pada Belanjawan 2024. Inisiatif berkenaan adalah untuk merapatkan jurang antara kawasan bandar dan luar bandar dengan melengkapkan kemudahan asas.

Justeru itu, bagi merealisasikan hasrat tersebut, JPPKK telah dipilih sebagai Jabatan yang perlu melaksanakan beberapa inisiatif pembangunan KAM serta boleh memberi manfaat kepada masyarakat setempat dan merangsang aktiviti ekonomi luar bandar khususnya di Kampung Batu 8, Kampung Bendang Siam, Taiping, Perak.

Projek yang diberi nama singkatan sebagai KAMBEST ini melibatkan beberapa skop projek infrastruktur dan fasiliti, antaranya kerja pembinaan Anjung Komuniti dan taman permainan sebagai pusat komuniti, kerja menaiktaraf Surau Ulu Batas dan pembinaan Dewan Terbuka Sekolah Kebangsaan Bendang Siam termasuk membekalkan sistem pendawaian elektrik, peralatan ICT dan sistem siar raya, kerja pembinaan Bilik Pengurusan Jenazah di Masjid Al-Wusta, kerja menaik taraf tembok jalan/ jalan kampung serta pelaksanaan program gotong-royong mengindahkan kawasan kampung.

Semalam juga, Program Gotong-Royong Kampung Angkat Madani KAMBEST telah berjaya dilaksanakan dan menghimpunkan seramai 500 warga Politeknik dan Kolej Komuniti (POLYCC) Negeri Perak bersama Puspanita POLYCC serta penduduk kampung.

Objektif utama pelaksanaan program tersebut adalah untuk menyalurkan kemahiran kepada penduduk kampung serta menyemai semangat kesukarelawanan dalam kalangan komuniti. Antara kawasan yang dibersihkan adalah sekitar kawasan Surau Ulu Batas, Sekolah Kebangsaan Bendang Siam, laluan masuk dan keluar Kampung Batu 8.

Kerja-kerja pemeriksaan kualiti air turut dijalankan untuk menguji tahap kesesuaian tanah dan kualiti air kolam yang dibersihkan bagi tujuan projek ternakan ikan dan landskap komuniti dengan menggunakan kepakaran TVET daripada tenaga pengajar POLYCC terutamanya dalam bidang akuakultur.

Secara keseluruhannya, program ini berupaya mewujudkan kerjasama dua hala yang bermanfaat melibatkan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) khususnya POLYCC dengan komuniti setempat sejajar dengan fokus utama Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bagi tahun 2025 iaitu pemindahan dan perkongsian ilmu.

Program ini juga akan menjadi permulaan kepada pelbagai lagi usaha sama termasuk program latihan kemahiran, bengkel usahawan dan inisiatif digital yang dapat membantu anak-anak muda serta penduduk kampung menjana pendapatan dan memperkasa ekonomi keluarga.

Jabatan ini akan terus menyokong usaha Kerajaan MADANI dalam memperkasa keperluan asas rakyat menerusi segala kepakaran sedia ada di POLYCC demi kesejahteraan masyarakat dan pembangunan negara.

-TAMAT-

**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
12 JULAI 2025**